



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

---

**ISU TUNTUTAN 14 ORANG PENGAWAL KESELAMATAN  
HOSPITAL BEAUFORT**

---

1. Kenyataan akhbar ini dibuat susulan daripada berita yang diterima daripada *Sabah News Today* (SNT) pada 29 Ogos 2023. Sejurus menerima berita ini, saya telah mengarahkan JTK Sabah untuk menyiasat perkara ini bagi mendapat maklumat yang sahih dan mengambil tindakan proaktif dalam menyelesaikan kes tuntutan pekerja ini.
2. Hasil semakan mendapati tuntutan ini adalah melibatkan **14 orang pengawal keselamatan** daripada syarikat Seven Force Sdn. Bhd. yang bertugas di Hospital Beaufort. Kes ini telah pun diputuskan di Mahkamah Buruh, Pejabat Tenaga Kerja Beaufort, Sabah pada 14 Ogos 2023 yang mana tuntutan pekerja ini adalah melibatkan pelarasan tunggakan gaji minimum dengan jumlah RM217,917.72 dan tuntutan kerja lebih masa sebanyak RM64,072.00 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM281,989.72. Majikan ini diperintah untuk membayar tunggakan pekerja dalam **tempoh 30 hari** daripada tarikh perbicaraan ini diputuskan.
3. Setakat ini, saya dimaklumkan bahawa majikan ini telah ditawarkan kontrak membekal perkhidmatan kawalan keselamatan (Tanpa Senjata) di Hospital Beaufort selama 3 tahun bermula dari 01 September 2021 sehingga 31 Ogos 2024. Mengikut sumber yang diperolehi daripada Unit Perolehan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), majikan ini telah pun menghantar permohonan pelarasan kadar baru bagi membolehkannya membayar tunggakan gaji minimum kepada semua pekerja yang terlibat.

4. Saya akan memastikan tuntutan pekerja ini akan diselesaikan dengan segera dan amat yakin bahawa JTK Sabah akan memastikan hak-hak pekerja seperti mana yang termaktub di bawah undang-undang perburuhan adalah terbela.

**YB TS. MUSTAPHA SAKMUD**  
**TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**KOTA KINABALU**  
**6 SEPTEMBER 2023**